



FAKTOR-FAKTOR KEBERKESANAN PENGAJARAN BAHASA ARAB: SATU SOROTAN LITERATUR BERDASARKAN KAJIAN-KAJIAN LEPAS

[FACTORS OF EFFECTIVENESS IN THE TEACHING OF ARABIC LANGUAGE: A LITERATURE REVIEW BASED ON PAST STUDIES]

Mohamad Rofian Ismail*, Ahmad Redzaudin Ghazali & Khairatul Akmar Abdul Latif

Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

* Corresponding Author: mohdrofian@kuis.edu.my

Received: 12/10/2023

Accepted: 19/2/2024

Published: 31/3/2024

Abstrak

Pengajaran Bahasa Arab merupakan cabang penting dalam pendidikan bahasa asing dan memainkan peranan penting dalam membantu pelajar menguasai kemahiran komunikasi yang efektif dalam Bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran Bahasa Arab melalui tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Dapatan-dapatan kajian yang diperoleh dan cadangan yang dikemukakan nanti sedikit sebanyak dapat memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran dan meningkatkan kompetensi guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini melibatkan analisis terhadap 16 kajian lepas yang telah dilakukan dalam konteks pengajaran Bahasa Arab. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah meta-analisis untuk mengenal pasti corak dan konsistensi faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran Bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Pertamanya ialah interaksi aktif antara guru dan pelajar yang memainkan peranan penting. Hal ini bermaksud guru perlu terlibat secara proaktif dalam proses pengajaran, menjalin komunikasi dua hala, serta memberi contoh dan memimpin pelajar. Selain itu, persekitaran bahasa Arab yang kondusif dan memadai juga menjadi faktor penentu dalam proses pembelajaran. Penggunaan teknologi pendidikan dan pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dengan penggunaan teknik yang tepat juga menyumbang kepada keberkesanan pengajaran bahasa Arab. Faktor kelayakan dan kompetensi guru juga tidak boleh diabaikan, kerana guru yang berkelayakan dan kompeten memberi impak yang besar dalam pembelajaran bahasa Arab. Dengan memahami faktor-faktor ini, pendekatan pengajaran yang lebih efektif dan berfokus dapat dibangunkan, memberikan manfaat yang besar kepada proses pembelajaran Bahasa Arab. Kajian ini juga memberikan landasan untuk

kajian lanjutan dalam bidang ini dan membantu dalam memperkaya kaedah pengajaran bahasa Arab untuk generasi pelajar masa depan.

Kata kunci: faktor keberkesanan, pengajaran bahasa Arab, pendekatan pengajaran, kompetensi guru, kajian lepas

Cite as: Ismail, M.R., Ghazali, A.R., Abdul Latif, K.A. (2024). Faktor-Faktor Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab: Satu Sorotan Literatur Berdasarkan Kajian-Kajian Lepas. (2024). *Afaq Lughawiyah*, 2(1), 306-322. <https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.1.105>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

Abstract

Teaching Arabic is a crucial branch within foreign language education and plays a significant role in aiding students to master effective communication skills in Arabic. This study aims to analyze the factors influencing the effectiveness of Arabic language instruction by reviewing previous studies conducted by earlier researchers. The findings obtained and suggestions put forth can, to some extent, enhance the teaching and learning process, as well as augment the competencies of instructors in the teaching and learning process. This study involves an analysis of 16 prior studies conducted in the context of Arabic language instruction. Data were analyzed using meta-analysis methods to identify patterns and consistencies in the factors influencing the effectiveness of Arabic language instruction. The study results indicate several factors that impact the effectiveness of Arabic language instruction in Malaysia. Firstly, active interaction between teachers and students plays a crucial role. This entails teachers proactively engaging in the teaching process, fostering two-way communication, and providing guidance and leadership to students. Furthermore, a conducive and adequate Arabic language environment also serves as a determining factor in the learning process. The use of educational technology and the appropriate selection of teaching methods, along with the utilization of suitable techniques, also contribute to the effectiveness of Arabic language instruction. The qualifications and competence of instructors should not be overlooked, as qualified and competent teachers exert a significant influence on Arabic language learning. By comprehending these factors, a more effective and targeted teaching approach can be developed, providing substantial benefits to the Arabic language learning process. This study also lays the groundwork for further research in this field and aids in enriching the methods of teaching Arabic for future generations of students.

Keywords: effectiveness factor, Arabic language teaching, past studies, teacher competence, previous studies

PENDAHULUAN

Pengajaran Bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam pendidikan bahasa asing, terutamanya di kalangan pelajar yang meminati atau memerlukan penguasaan bahasa Arab untuk tujuan komunikasi, kajian lanjutan, atau kerjaya di persekitaran yang memerlukan kemahiran berbahasa Arab. Dalam usaha untuk memaksimumkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab, adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembelajaran ini.

Kajian ini bertujuan untuk memberikan satu tinjauan menyeluruh terhadap faktor-faktor yang memainkan peranan dalam keberkesanan pengajaran bahasa Arab. Ini melibatkan menganalisis kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh para penyelidik dalam bidang ini. Dengan memerhatikan dapatan dari kajian-kajian terdahulu, kita dapat memahami secara lebih mendalam tentang elemen-elemen kritikal yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran Bahasa Arab.

Dalam konteks ini, pengetahuan mendalam terhadap faktor-faktor ini akan memberi peluang untuk memperbaiki pendekatan pengajaran dan pembelajaran, serta meningkatkan kualiti proses pembelajaran Bahasa Arab khususnya yang melibatkan pengajaran guru. Selain itu, menurut Arsyad (2019) peningkatan kecekapan guru dalam menyampaikan subjek Bahasa Arab juga akan menjadi salah satu aspek penting yang akan mengubah tingkah laku pembelajaran pelajar ke arah pembelajaran yang positif dan berkesan.

Melalui sorotan literatur berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dalam domain pengajaran Bahasa Arab dan membina landasan yang kukuh untuk pendekatan pengajaran yang lebih efektif di masa hadapan.

KAJIAN LITERATUR

Umumnya, antara faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa Arab kebanyakannya berkait rapat dengan guru dan pelajar. Faktor yang melibatkan guru ialah faktor kelayakan guru, kaedah pengajaran yang efektif dan juga persekitaran pembelajaran yang menyokong penggunaan teknologi. Manakala faktor yang berkait dengan pelajar adalah faktor keterlibatan pelajar dan penggunaan sumber daya pembelajaran yang beragam. Implikasi dari faktor-faktor-faktor ini sebenarnya penting untuk memperbaiki dan meningkatkan pengajaran bahasa Arab di pelbagai konteks pendidikan.

Guru yang mempunyai kelayakan adalah guru yang kualiti yang tiada tolok bandingnya berbanding dengan mereka yang tidak berkelayakan atau tidak mempunyai sijil atau ikhtisas dalam bidang Pendidikan. Hal ini kerana terdapatnya hubungan yang kuat antara kelayakan dengan kompetensi guru. Smith (2018) dalam kajiannya menegaskan seseorang guru perlu memiliki kelayakan bagi melayakkan mereka mengamalkan proses pengajaran dan pembelajaran. Beliau juga menyatakan bahawa guru yang berkelayakan memberikan kesan positif terhadap kemajuan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Kecekapan guru dalam menguasai kaedah pengajaran yang efektif turut memainkan peranan penting dalam mencapai kejayaan.

Kelayakan sahaja tidak mencukupi dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab jika penggunaan kaedah pengajaran tidak dimanfaatkan dan tidak efektif. Al-Saud (2020) menjelaskan peri pentingnya membanding beza dan mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran bahasa Arab. Kajian ini membandingkan pelbagai kaedah pengajaran bahasa Arab dan menilai kesan mereka terhadap pembelajaran. Al-Saud mendapati bahawa kaedah pengajaran yang melibatkan

interaksi aktif dan pemodelan berulang cenderung lebih berkesan dalam memperkukuh pemahaman dan penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Mahadi et. al (2022) yang menekankan kaedah dalam pelbagai gaya pembelajaran samada berbentuk visual, auditori atau kinestetik.

Tidak dinafikan juga, faktor persekitaran memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Menurut Ibrahim (2019) persekitaran yang baik dalam mempelajari kemahiran berbahasa Arab menghasilkan pelajar yang kompeten dan berkualiti. Kajian ini juga meneroka bagaimana persekitaran pembelajaran yang kondusif mempengaruhi kejayaan pengajaran bahasa Arab. Ibrahim (2019) menekankan bahawa fasiliti yang mencukupi, bahan pengajaran yang relevan, dan sokongan penuh dari institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memperoleh kemahiran bahasa Arab dengan lebih baik. Perkara-perkara tersebut jika tidak diberi perhatian sepertimana yang dinyatakan oleh Wekke (2015) akan merugikan semua pihak termasuk mereka yang terlibat dapat bidang pendidikan bahasa Arab samada di peringkat rendah, menengah dan juga universiti.

Teknologi pada hari ini juga didapati berkembang pesat seiring dengan perkembangan bidang pendidikan. Proses pendigitalan dalam bidang pendidikan pada hari ini telah mula mengambil tempat dan pendidikan konvensional semakin lama dikesampingkan. Perisian-perisian bahasa Arab dan aplikasi dalam telefon pintar telah menjadi medium alternatif dalam pembelajaran bahasa Arab. Khan (2020) dalam isu ini telah melihat kepentingan integrasi teknologi dalam pengajaran bahasa Arab. Kajian ini meninjau penggunaan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab dan memberikan panduan terbaik dalam integrasi teknologi dengan pengajaran. Khan (2020) dalam kajiannya menunjukkan bagaimana teknologi seperti perisian pembelajaran bahasa Arab dan aplikasi telefon pintar dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran, meningkatkan keterlibatan pelajar, dan membantu mereka memperoleh pemahaman yang lebih baik. Kajian-kajian yang lainnya turut sama menyokong dan mengakui kebenarannya. Antaranya ialah kajian Iswanto (2017) berkaitan Pembelajaran bahasa Arab dengan pemanfaatan teknologi, Kajian Raudatussolihah (2022) bertajuk "Pengembangan Teknologi Audio-Visual dalam Pembelajaran Bahasa Arab" dan juga kajian Sholihah et al. (2022) bertemakan Teknologi Media Pembelajaran Bahasa Arab.

Selain guru, pelajar juga berperanan dalam menjayakan proses pengajaran guru. Mereka sepatutnya memberi komitmen seratus peratus dan melibatkan diri secara konsisten dan bersungguh-sungguh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang aktif dalam kelas dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran guru. Perkara ini telah dibincangkan dalam kajian Saleh (2017). Kajian ini melihat betapa pentingnya keterlibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Kajian menunjukkan bahawa melibatkan pelajar dalam aktiviti interaktif seperti permainan peranan, berbicara, dan menulis dapat memperkukuh pemahaman dan penguasaan bahasa Arab seterusnya memberikan impak yang positif kepada pelajar itu sendiri. Selain itu, guru juga dapat membuat penilaian secara sistematik terhadap teknik dan kaedah yang digunakan dalam bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam pengajaran subjek bahasa Arab.

Penggunaan sumber daya pembelajaran yang pelbagai juga dapat menyumbang kepada keberkesanan pengajaran guru bahasa Arab. Pembelajaran yang bersumberkan rujukan-rujukan terkini samada dalam bentuk buku mahupun digital menjadi asas utama yang dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap subjek bahasa Arab yang dipelajari. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu guru meningkatkan kemahiran mereka dalam proses pengajaran. Abdullah (2019) dan Al-Ghamidi (2020) dalam kajian mereka menekankan penggunaan berbagai sumber daya pembelajaran dalam pengajaran bahasa Arab. Beliau menunjukkan bagaimana buku teks, bahan audiovisual, media sosial, dan bahan bacaan tambahan dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab. Abdullah (2019) berpandangan bahawa pentingnya memilih bahan bacaan yang sesuai dalam pengajaran bahasa Arab. Beliau menyatakan bahawa pemilihan bahan bacaan yang relevan dengan kepentingan dan tahap kebolehan pelajar dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran. Selain itu, penggunaan sumber yang pelbagai dalam kalangan pelajar dan guru dapat menghasilkan generasi yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi (Nasir & Yunus, 2017; Hashim et al., 2016; Lubis et al., 2017).

Faktor-faktor lain yang memberi kesan yang positif terhadap pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru antaranya ialah faktor psikologi guru melibatkan kecenderungan, motivasi dan minat mereka dalam profesion perguruan selain dari pengetahuan dan kemahiran pengajaran yang mereka kuasai. Faktor psikologi guru bahasa Arab memainkan peranan yang signifikan dalam keberkesanan pengajarannya. Menurut Syifaâ, (2008), psikologi humanistik dan aplikasinya dalam pendidikan. Psikologi guru termasuk elemen-elemen seperti motivasi, sikap terhadap pengajaran, keyakinan dalam kemampuan pengajaran, dan kesediaan untuk berkomunikasi dengan pelajar. Menurut beliau lagi, guru yang mempunyai psikologi yang positif cenderung lebih terbuka untuk mencuba kaedah pengajaran yang inovatif dan berupaya berinteraksi dengan pelajar secara lebih efektif. Selain itu, menurut Madjid (2016) guru yang termotivasi dengan kuat juga lebih cenderung berusaha meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran bahasa Arab, misalnya melalui penyelidikan dan pembelajaran berterusan. Kesemua faktor ini secara langsung mempengaruhi bagaimana ilmu dan kemahiran bahasa Arab disampaikan kepada pelajar, dan akhirnya, mempengaruhi keberkesanan pengajaran mereka.

Secara kesimpulannya, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa Arab iaitu kelayakan dan kecekapan guru memainkan peranan penting. Guru yang berkelayakan dan memahami kaedah pengajaran yang efektif dapat mempengaruhi kejayaan pelajar. Selain itu, kaedah pengajaran yang efektif, seperti interaksi aktif dan latihan berulang, dapat memperkukuh pemahaman bahasa Arab. Persekitaran pembelajaran yang menyokong, termasuk fasiliti dan bahan pengajaran yang relevan, juga menyumbang kepada kejayaan pengajaran. Penggunaan teknologi, seperti perisian dan aplikasi pembelajaran bahasa Arab, juga dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran. Keterlibatan aktif pelajar, penggunaan pelbagai sumber pembelajaran, dan faktor psikologi guru juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab.

Namun, memiliki kelayakan guru sahaja tidak mencukupi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Penggunaan kaedah pengajaran yang efektif juga diperlukan. Faktor persekitaran pembelajaran, penggunaan teknologi, keterlibatan pelajar, dan penggunaan pelbagai sumber pembelajaran juga perlu diberi perhatian. Terakhir, faktor psikologi guru juga memainkan peranan penting dalam keberkesanan pengajaran bahasa Arab, termasuk motivasi, sikap terhadap pengajaran, dan kesediaan untuk berkomunikasi dengan pelajar. Semua faktor ini bekerja bersama-sama untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang efektif dan meningkatkan kemahiran bahasa Arab pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis 16 kajian berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia dalam tempoh lima tahun lepas.

Pengumpulan data dilakukan menggunakan teknik analisis dokumen iaitu dapatan kajian yang diperoleh oleh 16 kajian lepas melibatkan satu kajian pada tahun 2023, dua kajian pada tahun 2022, dua kajian pada tahun 2021, enam kajian pada tahun 2020 dan yang terakhir ialah lima kajian pada tahun 2019. Pemilihan kajian-kajian ini dibuat berdasarkan pemilihan sampel bertujuan iaitu kajian yang memenuhi kriteria yang diperlukan seperti terdapatnya perbincangan secara langsung terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia dalam tempoh lima tahun kebelakang. Data yang dikumpulkan kemudian diproses dan dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Ini melibatkan mengenal pasti tema-tema yang dikodkan dari data, seterusnya menyusun atur tema-tema tersebut mengikut konstruk kajian dan menganalisisnya untuk memperoleh dapatan kajian bagi memenuhi objektif kajian yang telah ditentukan. Hasil analisis data kemudian diinterpretasikan dan diuraikan secara jelas dan sistematik. Jadual 1 Berikut dilampirkan maklumat 16 kajian yang dianalisis.

Jadual 1: Maklumat 16 Kajian yang dianalisis

Bil.	Tajuk kajian	Pengkaji	Penerbit	Tahun Kajian
1	Meningkatkan Pembangunan Profesional dan Kompetensi Guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu Analisis Kritis.	Said, Azarul Razamin Mat, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar, Mohd Allnurulhuda Ghazali	Global Journal of Educational Research and Management, 3(1), 62-70	2023
2	Persepsi Mahasiswa Tentang Penerapan PTMT dalam	Susanto, Susanto	al-Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran	2022

	Pembelajaran Bahasa Arab Menggunakan Model Blended Learning		Bahasa Arab dan Kebahasaaraban, 5(1).	
3	Faktor Motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat terhadap Peningkatan Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab Era Endemik.	Zakaria, Noor Shamshinar, dan Nor Azhan Norul'Azmi	Jurnal Pengajian Islam, 15(2), 49-62.	2022
4	Effective Teaching Methods in Teaching Arabic as a Foreign Language: A Review Study	Alkhatib dan Alzeban	Journal of Research in Applied Linguistics, 12(1), 1-18.	2021
5	The Role of Learning Environment in Enhancing Arabic Language Skills among Non-Native Speakers.	Al-Jamhoor	Journal of Language and Linguistic Studies, 17(2), 1037-1051.	2021
6	Teachers' Qualifications and Teaching Effectiveness in Arab Countries	Al-Khawaldeh	Journal of International Education Research, 16(3), 145-160.	2020
7	The Role of Technology in Teaching Arabic as a Foreign Language: A Review Study.	Alzahrani	Journal of Research in Education and Sciences, 5(2), 334-349.	2020
8	The Use of Various Learning Resources in Teaching Arabic to Non-Native Speakers.	Al-Masri	Journal of Arabic Language Teaching, 1(1), 78-95.	2020
9	Keberkesanan Peta Minda dalam Pengajaran Kesusasteraan Arab untuk Pelajar Program Bahasa Arab, UPSI.	Atoh, Nazri	'Abqari Journal, 23(1), 70-83.	2020

10	Elemen Pengajaran Berkesan Bahasa Arab.	Razali, Hazrul Affendi Mohmad	Journal of Asian Islamic Higher Institutions, 5(1).	2020
11	Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia.	Zaini, Abdul Razif, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Rofian Ismail, Mohd Redzaud din Ghazali, and Hasmadi Hamdan	The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS), 7(1), 103-113.	2020
12	The Effect of Teacher Qualifications on Teaching Arabic to Non-Arabic Speakers.	Al-Harbi	Journal of Education and Practice, 10(26), 8-13	2019
13	Keberkesanan Penggunaan Peta Konsep dalam Pngajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah.	Mohd Helmy Abd Wahab dan Shahrul Nazmi Sannusi	Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 9(1), 40-51.	2019
14	Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama: Analisis Perbandingan antara Sekolah Menengah Agama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan.	Mohd Farizal Mohd Yusof & Azhar Jaafar	Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru, 10(2), 116-126.	2019
15	Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di SABK di Malaysia: Satu Dimensi.	Rahman, Awatif Abdul, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir, and Muafah Sayed.	<i>e-BANGI</i> , 16, 1-13	2019
16	Keberkesanan Penggunaan Aplikasi 'Plickers' dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa	Hawa Alias	al-Qimah al-Mudhafah, 5(1).	2019

	Arab di Universiti Sultan Azlan Shah.			
--	---------------------------------------	--	--	--

Pendekatan kualitatif memberi beberapa kelebihan untuk kajian ini, termasuk membolehkan penyelidik untuk mengkaji proses ini secara terperinci dan memahami dengan lebih mendalam seterusnya mengenalpasti faktor-faktor yang dapat menyumbang kepada pengajaran yang berkesan dalam subjek bahasa Arab di Malaysia. Selain itu, pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik untuk meneroka dan mengumpul data yang kompleks dan menjalankan analisis yang sesuai untuk memahami data tersebut. Kesimpulan yang diperoleh dari kajian kemudian dikaitkan semula dengan objektif kajian dan dijelaskan secara ringkas dalam laporan kajian.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Bahagian ini menerangkan analisis kajian yang dibuat pada 16 kajian lepas berkaitan keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia yang telah dijalankan dalam tempoh lima tahun bermula pada tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023. Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dianalisis dan dilaporkan melalui kaedah analisis dokumen secara tematik. Pengkaji memberi fokus pada objektif kajian, dapatan kajian yang diperoleh.

Kajian yang dilakukan oleh Alkhatib dan Alzeban (2021) bertujuan untuk mengkaji kaedah pengajaran yang berkesan dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dalam dapatan kajian mereka, beberapa faktor penting telah dikenal pasti. Pertama, interaksi aktif antara guru dan pelajar memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Komunikasi dua hala, seperti diskusi dan kolaborasi, memungkinkan pelajar untuk melatih kemahiran lisan dan mendapatkan maklum balas langsung. Kedua, penggunaan pemodelan oleh guru membantu memberi contoh penggunaan yang tepat dalam bahasa Arab, termasuk tatabahasa, pengucapan, dan frasa yang betul. Ini memperlihatkan kepada pelajar contoh yang baik dan memudahkan mereka memahami dan menggunakan bahasa Arab dengan betul. Ketiga, latihan berulang diakui sebagai kaedah yang efektif dalam memperkukuh pemahaman dan penguasaan bahasa Arab. Pelajar diberi peluang untuk melatih kemahiran bahasa Arab secara sistematik dan berulang, yang meningkatkan kefasihan dan keyakinan mereka dalam menggunakan bahasa tersebut. Dapatan kajian ini memberikan sumbangan yang penting dalam pemahaman dan perkembangan pendekatan pengajaran yang berkesan dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing.

Dari sudut peranan persekitaran dalam pengajaran bahasa Arab dapat dilihat pada kajian yang dilakukan oleh Al-Jamhoor (2021). Kajian ini menitikberatkan peranan persekitaran pembelajaran dalam meningkatkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan penutur bukan asli iaitu orang Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran yang menyokong, termasuk fasiliti yang mencukupi, bahan pengajaran yang relevan, dan sokongan penuh daripada institusi pendidikan, memainkan peranan penting dalam memperoleh kemahiran bahasa Arab

yang lebih baik. Hasil kajian ini menekankan kepentingan mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi penutur bukan asli untuk memperoleh kecekapan bahasa Arab yang lebih tinggi. Persekitaran bahasa Arab boleh sahaja dicipta samada dalam kelas pengajaran mahupun di luar proses pengajaran rasmi. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keberkesanan guru dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran bahasa Arab kepada penutur bukan asli.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Alzahrani (2020) meneliti peranan teknologi dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi, seperti perisian pembelajaran bahasa Arab, aplikasi telefon pintar, dan sumber digital lain, dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran dan menjadikannya lebih menarik. Integrasi teknologi dengan pengajaran bahasa Arab telah terbukti dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dan membantu mereka memperoleh pemahaman yang lebih baik. Kajian ini memberi penekanan penting tentang penggunaan teknologi sebagai alat bantu yang efektif dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Pada zaman pendidikan digital masa kini, kemahiran guru dalam bidang teknologi Pendidikan menjadi satu keperluan yang sangat penting khususnya dalam menjalankan proses pengajaran bahasa Arab menggunakan teknologi pintar terhadap generasi kini. Kajian Alias (2019) bertajuk “Keberkesanan Penggunaan Aplikasi ‘Plickers’ Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di Universiti Sultan Azlan Shah” adalah salah satu contoh keberkesanan teknologi digital dalam pengajaran bahasa Arab. Melalui kajian kuantitatif iaitu ujian pra-pasca tersebut, didapati tahap pencapaian pelajar meningkat setelah menggunakan aplikasi Plickers. Namun, hasil gabungan kedua kumpulan menunjukkan pelajar yang tiada asas bahasa Arab mempunyai tahap pencapaian yang kurang berbanding mereka yang mempunyai asas. Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat membantu pensyarah bahasa Arab dalam menangani masalah pelajar lemah menguasai bahasa Arab dengan mengambil pendekatan gamifikasi dalam pedagogi mereka khususnya aplikasi Plickers.

Kajian Al-Masri (2020) berkaitan penggunaan pelbagai sumber dalam pengajaran dibuat sebagai menyokong kepada dapatan dari kajian Alzahrani (2020). Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan pelbagai sumber pembelajaran dalam pengajaran bahasa Arab kepada penutur bukan asli. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan sumber pembelajaran yang beragam, seperti buku teks, bahan audiovisual, media sosial, dan bahan bacaan tambahan, dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab. Penggunaan sumber yang pelbagai dapat memenuhi keperluan pembelajaran pelajar dengan gaya pembelajaran yang berbeza. Kajian ini memberikan penekanan tentang pentingnya menggunakan pelbagai sumber pembelajaran dalam pengajaran bahasa Arab dan memberikan bukti tentang manfaat penggunaan sumber pembelajaran yang beragam dalam meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Arab oleh penutur bukan asli.

Faktor keberkesanan pengajaran bahasa Arab juga boleh diukur melalui tahap kelayakan yang dimiliki oleh guru. Dalam kajian Alkhawaldeh (2020), didapati kelayakan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan pengajaran bahasa Arab di negara-negara timur tengah. Hasil kajian menunjukkan

bahawa kelayakan guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberhasilan pengajaran bahasa Arab. Guru yang memiliki kelayakan yang baik dan pemahaman yang mendalam tentang bahasa Arab cenderung mempengaruhi kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa tersebut. Kajian ini menekankan kepentingan guru yang berkualiti dan kompeten dalam mencapai objektif pengajaran bahasa Arab yang efektif. Kajian sebelumnya juga iaitu kajian Al-Harbi (2019) mempunyai keselarian yang sama dari sudut dapatan dan objektif kajian. Kajian ini meneliti kesan kelayakan guru terhadap pengajaran bahasa Arab kepada pelajar bukan berbahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelayakan guru mempengaruhi keberkesanan pengajaran. Guru yang berkelayakan mempunyai impak positif terhadap pencapaian pelajar dalam mempelajari bahasa Arab.

Teknik pengajaran yang berkesan merupakan antara faktor yang memberi impak positif dan keberhasilan pelajar dalam bahasa Arab. Hal ini dapat dibuktikan dalam kajian Abd Wahab dan Sannusi (2019) iaitu berkaitan keberkesanan penggunaan peta konsep dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah di Malaysia. Sarjana-sarjana ini telah menguji cuba penggunaan peta konsep dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah dalam kajian mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan peta konsep memberikan kesan positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Pelajar mampu memahami bahasa Arab seterusnya dapat mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi dengan baik dan lancar. Atoh (2020) dalam kajiannya menyokong teknik pengajaran yang digunakan oleh Mohd Helmy Abd Wahab & Shahrul Nazmi Sannusi (2019). Kajian beliau mendapati terdapat perbezaan antara pencapaian pelajar dalam pengajaran secara konvensional dengan pengajaran menggunakan peta minda. Hal ini berdasarkan peningkatan markah yang diperoleh oleh pelajar dalam ujian pasca. Min yang diperoleh dalam Ujian 2 adalah 64.5, meningkat 32.3 lebih separuh daripada min pada Ujian 1.

Tidak dinafikan juga beberapa faktor lain turut menyumbang kepada keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Kajian Mohd Yusof dan Jaafar (2019) berkaitan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama: Analisis perbandingan antara sekolah menengah agama dengan sekolah menengah kebangsaan menunjukkan terdapatnya perbezaan yang amat ketara berdasarkan cara pengajaran bahasa Arab di kedua jenis sekolah, dengan implikasi yang mungkin terhadap pencapaian pelajar. Perkara ini berlaku disebabkan oleh faktor pemilihan kaedah pengajaran, pencapaian akademik, sumber dan bahan pengajaran, keberkesanan program pengajaran, penglibatan guru dan keselarasan dengan matlamat pendidikan negara. Faktor-faktor yang dinyatakan ini sebenarnya secara tidak langsung telah pun ditekankan dalam kajian Razali (2020) faktor pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai, kajian Zakaria dan Norul'Azmi (2022) faktor pencapaian akademik pelajar, kajian Susanto (2022) faktor sumber dan bahan pengajaran, kajian Zaini et al. (2020) faktor keberkesanan program pengajaran, kajian Said et al. (2023) faktor penglibatan guru dan kajian Rahman et al. (2019) berkenaan faktor kompetensi guru dan keselarasan dengan matlamat pendidikan negara.

Analisis pada 16 kajian lepas berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia secara umumnya dapat dikategorikan kepada beberapa domain utama iaitu interaksi aktif guru dan pelajar, peranan persekitaran, peranan teknologi dan digital, penggunaan pelbagai sumber dalam pengajaran, kelayakan dan kompetensi guru dan yang terakhir ialah penggunaan kaedah dan teknik pengajaran. Jadual 2 berikut merumuskan laporan dapatan kajian bagi setiap 16 kajian lepas yang dianalisis:

Jadual 2: Rumusan laporan 16 kajian berkaitan Faktor Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab

KAJIAN	FAKTOR KEBERKESANAN PENGAJARAN	CADANGAN KAJIAN
- Said et al. (2023) - Zakaria dan Norul'Azmi (2022) - Alkhatib dan Alzeban (2021)	- Interaksi aktif guru dan pelajar. - Komunikasi dua hala. - Penglibatan dan pemodelan Guru. dalam pengajaran.	- Program-program pembangunan profesional guru harus ditingkatkan agar guru berdaya saing dalam pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. - Pelajar perlu diberi peluang untuk melatih kemahiran bahasa Arab secara sistematik dan berulang, yang meningkatkan kefasihan dan keyakinan mereka dalam menggunakan bahasa tersebut.
- Al-Jamhoor (2021) - Razali (2020)	Peranan suasana persekitaran bahasa Arab yang kondusif dan bersesuaian dengan pengajaran guru.	- Kajian mendapati pentingnya mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi penutur bukan asli untuk memperoleh kecekapan bahasa Arab yang lebih tinggi. - Impak kertas kerja ini adalah keperluan kepada penetapan tenaga pengajar yang berkelayakan, pelarasan modul pengajian dan persekitaran yang bersesuaian oleh pihak yang berkepentingan
Alzahrani (2020)	Peranan teknologi Pendidikan dalam	Integrasi teknologi dengan pengajaran bahasa Arab telah

• Alias (2019)	pengajaran bahasa Arab. • Proses pendigitalan pengajaran subjek bahasa Arab.	terbukti dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dan membantu mereka memperoleh pemahaman yang lebih baik. • Penekanan tentang penggunaan teknologi sebagai alat bantu yang efektif dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. • Pendekatan gamifikasi dalam pedagogi bahasa Arab khususnya aplikasi Plickers dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam bahasa Arab.
• Zaini et al. (2020) • Alkhawalid (2020) • Rahman et al. (2019) • Al-harbi (2019) • Razali (2020)	• Guru yang berkepercayaan sebagai faktor yang membawa kepada keberkesanan dalam pengajaran dan kecemerlangan pelajar dalam bahasa Arab. • Guru yang berkepercayaan sebagai faktor yang membawa kepada keberkesanan dalam pengajaran dan kecemerlangan pelajar dalam bahasa Arab.	• Guru yang berkepercayaan mempunyai impak positif terhadap pencapaian pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. • Kajian mencadangkan agar pihak yang berkepercayaan menyediakan latihan berterusan agar kompetensi guru dapat dikekalkan dan ditingkatkan terutama aspek kompetensi khusus. • Guru mestilah berusaha untuk mencapai kualiti dan kompetensi agar objektif pengajaran bahasa Arab yang efektif dapat dicapai. • Para guru memerlukan penambahbaikan dari aspek pengetahuan ilmu nahwu di samping mengikuti kursus-kursus yang tidak hanya memfokuskan kepada cara dan teknik pengajaran, bahkan yang menjurus ke arah penambahbaikan dan penguasaan ilmu Nahwu.

• Atoh (2020) • Abdul Wahab & Sannusi (2019) • Mohd Yusof & Jaafar (2019)	• Pemilihan Kaedah yang bertepatan dengan keperluan subjek dan tahap penguasaan pelajar. • Penggunaan Teknik Pengajaran yang bersesuaian dalam pengajaran bahasa Arab.	• Seiring dengan perubahan dalam dunia hari ini, pendekatan dalam pengajaran juga perlulah dipelbagaikan dengan menerapkan konsep berfikir dengan diterjemahkan dalam bentuk peta minda. • Penggunaan peta konsep memberikan kesan positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah Menengah
---	---	---

Secara ringkasnya, terdapat dua kajian yang mendapati faktor keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia berkaitan dengan interaksi aktif guru dan pelajar, Komunikasi dua hala dan Penglibatan dan permodelan Guru. Ini dapat diperhatikan pada kajian yang dilaksanakan oleh Said et al. (2023), Zakaria dan Norul'Azmi (2022) dan Alkhatib dan Alzeban (2021). Manakala dua kajian berikutnya mendapati peranan persekitaran bahasa Arab merupakan faktor pengajaran bahasa Arab yang berkesan. Kajian-kajian tersebut ialah kajian Al-Jamhoor (2021) dan Razali (2020). Kajian-kajian lain seperti kajian Alzahrani (2020) dan Alias (2019) mendapati peranan teknologi Pendidikan dan proses pendigitalan subjek bahasa Arab merupakan faktor yang menyumbang kepada keberkesanan pengajaran guru. Lima kajian yang lainnya iaitu kajian Zaini et al. (2020), Alkhawaldeh (2020), Rahman et al. (2019), Al-harbi (2019) dan Razali (2020) sepakat menyatakan aspek kelayakan dan kompetensi guru adalah faktor yang membawa kepada keberkesanan dalam pengajaran bahasa Arab. Faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada keberkesanan bahasa Arab ialah faktor pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dan penggunaan teknik yang tepat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat diperhatikan dalam kajian Atoh (2020), Abdul Wahab & Sanussi (2019) dan Mohd Yusof & Jaafar (2019).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Pertamanya ialah interaksi aktif antara guru dan pelajar yang memainkan peranan penting. Hal ini bermaksud guru perlu terlibat secara proaktif dalam proses pengajaran, menjalin komunikasi dua hala, serta memberi contoh dan memimpin pelajar. Selain itu, persekitaran bahasa Arab yang kondusif dan memadai juga menjadi faktor penentu dalam proses pembelajaran. Penggunaan teknologi pendidikan dan pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dengan penggunaan teknik yang tepat juga menyumbang kepada keberkesanan pengajaran bahasa Arab. Faktor kelayakan dan kompetensi guru juga tidak boleh diabaikan, kerana guru yang berkelayakan dan kompeten memberi impak yang besar

dalam pembelajaran bahasa Arab. Dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan. Pertama, penting untuk menggalakkan interaksi aktif antara guru dan pelajar melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berinteraksi, perbincangan, dan kerja berkumpulan. Kedua, penyediaan persekitaran bahasa Arab yang kondusif di dalam dan di luar bilik darjah dapat memperkukuhkan proses pembelajaran. Sumber-sumber pendidikan dalam talian dan aplikasi pembelajaran digital juga boleh digunakan untuk memperkaya pengalaman pembelajaran. Selain itu, meningkatkan kelayakan dan kompetensi guru melalui latihan dan kursus berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab adalah penting. Terakhir, pentadbir sekolah atau institusi pendidikan juga boleh mempertimbangkan penggunaan kaedah pengajaran dan teknik yang terbukti berkesan dalam konteks pengajaran bahasa Arab. Dengan mengambil kira faktor-faktor ini, diharapkan akan membawa kepada peningkatan keberkesanan pengajaran bahasa Arab di Malaysia.

RUJUKAN

- Abd Wahab, M.H. & Sannusi S.N. (2019). Keberkesanan Penggunaan Peta Konsep dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 9(1), 40-51.
- Abdullah, A. (2019). Pemilihan Bahan Bacaan dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 4(1), 30-42.
- Alias, H. (2019). Keberkesanan Penggunaan Aplikasi 'Plickers' dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di Universiti Sultan Azlan Shah. *al-Qimah al-Mudhafah*, 5(1).
- Arsyad, M.H. (2019). Metode-metode Pembelajaran Bahasa Arab Berdasarkan Pendekatan Komunikatif untuk Meningkatkan Kecakapan Berbahasa. *Jurnal Shaut al-Arabiyah*, 7(1), 13-30.
- Atoh, N. (2020). Keberkesanan Peta Minda dalam Pengajaran Kesusasteraan Arab untuk Pelajar Program Bahasa Arab, UPSI. *'Abqari Journal*, 23(1), 70-83.
- Al-Ghamidi, F. (2020). Pemangkinan Sumber Daya Pembelajaran dalam Pendidikan Bahasa Arab. *Jurnal Pendidikan Pelbagai Bahasa*, 5(1), 67-80.
- Al-Harbi, R. (2019). The Effect of Teacher Qualifications on Teaching Arabic to Non-Arabic Speakers. *Journal of Education and Practice*, 10(26), 8-13.
- Hashim, H., Nasri, S.M.M., & Mustafa, Z. (2016). Cabaran yang Dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan Persekitaran Pembelajaran Maya Frog di Bilik Darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31(31), 115-129.
- Ibrahim, S. (2019). Kesan Persekitaran Pembelajaran ke atas Kemahiran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik Terapan*, 12(2), 78-92.
- Iswanto, R. (2017). Pembelajaran Bahasa Arab dengan Pemanfaatan Teknologi. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 1(2), 139-152.

- Al-Jamhoor, M.A. (2021). The Role of Learning Environment in Enhancing Arabic Language Skills among Non-Native Speakers. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 17(2), 1037-1051.
- Khan, M.A. (2020). Integrasi Teknologi dalam Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Amalan Terbaik. *Teknologi Pendidikan & Masyarakat*, 23(2), 81-94.
- al-Khatib, M., & Alzeban, A. (2021). Effective Teaching Methods in Teaching Arabic as a Foreign Language: A Review Study. *Journal of Research in Applied Linguistics*, 12(1), 1-18.
- al-Khawaldeh, R. (2020). Teachers' Qualifications and Teaching Effectiveness in Arab Countries. *Journal of International Education Research*, 16(3), 145-160.
- Lubis, M.A., Hassan, W.N.S.W., & Hamzah, M.I. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kediaan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1-13.
- Madjid, A. (2016). *Pengembangan Kinerja Guru Melalui: Kompetensi, Komitmen dan Motivasi Kerja*. Samudra Biru.
- Mahadi, F., Husin, M. R., & Hassan, N. M. (2022). Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori atau Kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences (JHASS)*, 4(1), 29-36.
- Al-Masri, M. (2020). The Use of Various Learning Resources in Teaching Arabic to Non-Native Speakers. *Journal of Arabic Language Teaching*, 1(1), 78-95.
- Mohd Yusof, M.F & Jaafar, A. (2019). Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama: Analisis Perbandingan Antara Sekolah Menengah Agama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 10(2), 116-126.
- Nasir, M., & Yunus, H. M. (2017). Peranan Guru Tingkatan Enam dalam Membentuk Pelajar Terarah Kendiri dan Meningkatkan Kemahiran Abad ke-21. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 1-6.
- Rahman, A.A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., & Sayed, M. (2019). Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di SABK Di Malaysia: Satu Dimensi. *e-BANGI*, 16, 1-13.
- Raudatussolihah, B. (2022). Pengembangan Teknologi Audio-Visual dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Education and Learning Journal*, 3(1), 53-60.
- Razali, H.A.M. (2020). Elemen Pengajaran Berkesan Bahasa Arab. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions*, 5(1).
- Said, A.R.M., Omar, M.C., Omar, N., & Ghazali, M.A. (2023). Meningkatkan Pembangunan Profesional dan Kompetensi Guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu Analisis Kritis. *Global Journal of Educational Research and Management*, 3(1), 62-70.
- Saleh, R. (2017). Meningkatkan Keterlibatan Pelajar dalam Kelas Bahasa Arab. *Jurnal Psikologi Pendidikan*, 9(4), 145-158.
- Al-Saud, R. (2020). Meningkatkan Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian Perbandingan Kaedah Pengajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 25(3), 112-126.

- Sholihah, E., Supardi, A., & Hilmi, I. (2022). Teknologi Media Pembelajaran Bahasa Arab. *al-Urwatul Wutsqo: Jurnal Ilmu Keislaman dan Pendidikan*, 3(1), 33-42.
- Smith, J. (2018). Kesan Kelayakan Guru Terhadap Pengajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pengajaran Bahasa Arab*, 3(2), 45-58.
- Susanto, S. (2022). Persepsi Mahasiswa Tentang Penerapan PTMT dalam Pembelajaran Bahasa Arab Menggunakan Model Blended Learning. *al-Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 5(1).
- Syifaâ, R. (2008). Psikologi Humanistik dan Aplikasinya dalam Pendidikan. *El-Tarbawi*, 1(1), 99-114.
- Wekke, I.S. (2015). *Model Pembelajaran Bahasa Arab*. Deepublish.
- Zaini, A.R., Zakaria, N.S., Ismail, M.R., Ghazali, M.R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia: Competency of Arabic Teachers in Primary School in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.
- Al-Zahrani, A. (2020). The Role of Technology in Teaching Arabic as a Foreign Language: A Review Study. *Journal of Research in Education and Sciences*, 5(2), 334-349.
- Zakaria, N. S., & Norul'Azmi, N. A. (2022). Faktor Motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat Terhadap Peningkatan Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab Era Endemik. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 49-62.